

22/08/2002

200,000 sertai Program Perjalanan Kemerdekaan

KUALA LUMPUR, Rabu - Lebih 200,000 orang di seluruh negara akan menyertai perarakan berjalan kaki dari seluruh daerah ke ibu negeri masing-masing dalam `Program Perjalanan Kemerdekaan 2002' anjuran Jabatan Perdana Menteri, bermula 12 hingga 23 Ogos ini.

Pengarah program itu, Hamidin Ahmad Judin, berkata pada acara kemuncak program itu yang juga upacara perasmian perjalanan kemerdekaan bagi peringkat Kota Melaka ke Putrajaya pada 24 Ogos ini, lebih 2,000 orang akan menyertainya.

Katanya, tema program tahun ini diilhamkan daripada sajak yang dideklamasikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 Ogos lalu di Pesta Puisi Patriotik kedua di Putrajaya iaitu `Di Atas Runtuhan Kota Melaka Kita Dirikan Putrajaya'.

"Selepas program perjalanan di Melaka dirasmikan Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam pada 24 Ogos ini, seramai 400 hingga 500 pejalan akan memulakan perjalanan dari Kota Melaka ke Putrajaya 24 jam tanpa henti merentasi Melaka dan Negeri Sembilan sebelum sampai di Putrajaya pada malam 29 Ogos 2002.

"Mereka akan disambut Dr Mahathir dalam Pesta Puisi Patriotik ketiga, sebagai sebahagian penutup program ini," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.